

D412

U B459 DEB
MAHATHIR - PEKERJAAN R' R' R'

BERUAS, 27 OGOS (BERNAMA) -- DASAR PERINDUSTRIAN YANG DILAKSANAKAN OLEH KERAJAAN TELAH BERJAYA MEWUJUDKAN PELUANG PEKERJAAN SEJAJAR DENGAN PERTAMBAHAN PENDUDUK, KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

PERDANA MENTERI BERKATA WALAUPUN BILANGAN PENDUDUK SEMAKIN BERTAMBAH DARI SETAHUN KE SETAHUN, NEGARA MAMPU MENYEDIAKAN PELUANG PEKERJAAN MELALUI DASAR ITU.

+MALAHAN KINI TIMBUL KEADAAN DI MANA PEKERJAAN MENCARI PEKERJA TERUTAMA DALAM SEKTOR PERINDUSTRIAN,+ KATA BELIAU.

INI SATU CONTOH DARIPADA KEJAYAAN DASAR-DASAR KERAJAAN BARISAN NASIONAL (BN) YANG SENTIASA MEMIKIRKAN CARA-CARA UNTUK MEMAJUKAN NEGARA, KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR KETIKA BERUCAP PADA PERJUMPAAN BERSAMA RAKYAT DI BAKAR BATA DEKAT SINI.

BELIAU BERKATA MELALUI TAHUN MELAWAT MALAYSIA (TMM) NEGARA MENARIK BANYAK PELANCONG YANG BUKAN SAHAJA MEMBELANJAKAN WANG DI HOTEL-HOTEL TETAPI JUGA DI GERAI-GERAI DAN INI MEMBANTU RAKYAT SEMUA LAPISAN MENIKMATI FAEDAH EKONOMI YANG DICETUSKAN OLEH TMM. -- LAGI.
1331MST 27 08 90

D413

U B461 DEB
MAHATHIR - PEKERJAAN 2 BERUAS

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA RAKYAT HARUS BERSYUKUR KERANA HIDUP DALAM SEBUAH NEGARA YANG AMAN TANPA MENGHADAPI SUASANA KETAKUTAN SEPERTI DI NEGARA-NEGARA TELUK DAN BEBERAPA NEGARA LAIN.

RAKYAT MENIKMATI KEBEBASAN UNTUK BERSUARA DAN BERKUMPUL TIDAK SEPERTI DI NEGARA-NEGARA YANG SENTIASA MENGHADAPI PELBAGAI PERGOLAKAN WALAUPUN RAKYATNYA TERDIRI DARIPADA WARNA KULIT DAN KEPERCAYAAN YANG SAMA, TAMBAH BELIAU.

PERDANA MENTERI BERKATA DALAM TEMPOH 33 TAHUN NEGARA MENCAPAI KEMERDEKAAN, KEMAJUAN YANG DICAPAI MELALUI KERAJAAN PERIKATAN DAN KEMUDIANNYA BN, JAUH LEBIH BANYAK DARIPADA SELAMA TEMPOH NEGARA DI BAWAH PENJAJAH.

BELIAU BERKATA SUASANA AMAN DAN KEBEBASAN YANG DINIKMATI MEMBOLEHKAN NEGARA MENGADAKAN PILIHAN RAYA UMUM BEBERAPA KALI DAN RAKYAT TELAH BERPELUANG MEMBUAT KEPUTUSAN TANPA SEBARANG RASA TAKUT.

DALAM HUBUNGAN INI, BELIAU MENINGATKAN BAHAWA PILIHAN RAYA UMUM YANG BAKAL DIADAKAN BUKANLAH BERTUJUAN UNTUK MEMILIH MANA-MANA INDIVIDU MENJADI WAKIL RAKYAT TETAPI YANG LEBIH PENTING IALAH BAGI MEMBOLEHKAN RAKYAT MENUBUHKAN KERAJAAN PILIHAN MEREKA SENDIRI. -- LAGI.

1333MST 27 08 90

D415

U B463 DEB
MAHATHIR - PEKERJAAN 3 BERUAS

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENASIHATKAN RAKYAT SUPAYA TIDAK MUDAH TERPENGARUH DENGAN PARTI-PARTI PEMBANGKANG YANG NAMPAKNYA TELAH MENGENEPIKAN PRINSIP PERJUANGAN MASING-MASING KERANA INGIN MEMANCING UNDI.

PAS YANG DAHULUNYA HENDAK MENEGAKKAN NEGARA ISLAM, KINI MERANCANG BEKERJASAMA DENGAN DAP SEKALIPUN PARTI ITU TELAH MENYATAKAN DENGAN TERANG-TERANG MEREKA TIDAK DAPAT MENERIMA PRINSIP PERJUANGAN PAS.

DAP PULA MAHU MEMPERALATKAN SEMANGAT 46 WALAUPUN MEREKA TAHU PARTI SERPIHAN ORANG MELAYU ITU TIDAK BOLEH BERDIRI SENDIRI, KERANA MEREKA SEDAR BILANGAN UNDI YANG KECIL DARIPADA PENYOKONG PARTI ITU BOLEH MEMBANTU KEMENANGAN DI PIHAK MEREKA, KATA BELIAU

DAP SUDAH MENYATAKAN BAHAWA MEREKA CUMA MEMERLUKAN 500 UNDI PENYOKONG SEMANGAT 46 DI SETIAP KAWASAN PILIHAN RAYA DI PULAU PINANG, KATA BELIAU.

PERDANA MENTERI MENASIHATKAN PARA PEMIMPIN SEMANGAT 46 TERMASUK ANGGOTA DEWAN UNDANGAN NEGERI KAWASAN PENGKALAN BARU DATUK HAJI ABDUL MALIK AHMAD SUPAYA JANGAN DIPERALATKAN OLEH PUCUK PIMPINAN PARTI ITU. -- LAGI.

1339MST 27 08 90

D416

U B464 DEB
MAHATHIR - PEKERJAAN 4 BERUAS

BELIAU BERKATA PUCUK PIMPINAN SEMANGAT 46 TENGGU RAZALEIGH HAMZAH TIDAK MEMPUNYAI RANCANGAN PEMBANGUNAN TETAPI MENUBUHKAN PARTI TERSEBUT SEMATA-MATA KERANA GAGAL MENDAPAT TEMPAT MENERUSI UMNO.

PEMIMPIN ITU SANGGUP BERBUAT APA SAHAJA UNTUK MENCAPAI MATLAMATNYA DAN RAKYAT TIDAK BOLEH MENERIMA PEMIMPIN YANG HANYA BERJUANG BAGI KEPENTINGAN PERIBADI.

MENGENAI TINDAKAN PAS MENGADAKAN BANTAHAN DI KEDUTAAN AMERIKA SYARIKAT TERHADAP KEHADIRAN TENTERA NEGARA ITU DI ARAB SAUDI, PERDANA MENTERI BERKATA ARAB SAUDI MEMPUNYAI HAK UNTUK MEMANGGIL SESIAPA SAHAJA YANG DISUKAINYA UNTUK MEMPERTAHANKAN NEGARANYA SENDIRI.

YANG TURUT BERUCAP PADA MAJLIS ITU IALAH PRESIDEN MCA DATUK SERI DR. LING LIONG SIK, PRESIDEN MIC DATUK SERI S. SAMY VELLU, PRESIDEN GERAKAN DATUK SERI DR. LIM KHENG YAIK, PRESIDEN PARTI KEMAJUAN RAKYAT MALAYSIA (PPP) DATUK MAK HON KAM DAN MENTERI BESAR TAN SRI RAMLI NGAH TALIB.

PERDANA MENTERI KEMUDIAN MELAWAT KILANG MEMPROSES AYAM, DINDING POULTRY USAHASAMA DENGAN SYARIKAT JEPUN DI KAMPUNG ACHEH DI SITIAWAN. BELIAU JUGA MENGADAKAN PERJUMPAAN TERTUTUP DENGAN PARA PEMIMPIN BN NEGERI DI LUMUT. -- BERNAMA.

1341MST 27 08 90